KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN LATIHAN

DISEDIAKAN OLEH :
WAN ELIANI BINTI WAN HASSAN
PEGAWAI LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN
UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

HAK CIPTA

Garis Panduan Pelaksanaan Latihan

Penerbitan ini dilindungi di bawah undang-undang hak cipta. Sebarang penggunaan, pengeluaran semula, penyimpanan atau penyebaran kandungan sama ada sebahagian atau keseluruhan dalam apa jua bentuk dan melalui apa jua medium adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

Copyright © Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

All rights reserved. The contents of this publication are protected by copyright law. No portion of this document may be reproduced, stored or transmitted in any form or by any means, whether electronic, mechanical or otherwise, without prior written approval from Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari
Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-0047-97-3

DITERBITKAN OLEH / *PUBLISHED BY*

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
Km 8, Jalan Paka
23000 Dungun
Terengganu Darul Iman
Tel: 09-8400800
Faks: 09-8458781
Laman Web: www.psmza.edu.my

PRAKATA

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku Garis Panduan Pelaksanaan Latihan ini dapat disiapkan dan diterbitkan dengan jayanya.

Buku ini dihasilkan sebagai panduan komprehensif serta rujukan utama kepada penyelaras latihan jabatan, urus setia latihan dan seluruh warga Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan program latihan dengan lebih tersusun, cekap dan berimpak tinggi.

Kandungan buku ini merangkumi garis panduan pelaksanaan latihan secara berperingkat, bermula daripada perancangan awal, pelaksanaan program hingga kepada tindakan susulan selepas latihan. Pendekatan ini bertujuan memastikan setiap program latihan dilaksanakan secara sistematik selaras dengan garis panduan, prosedur serta piawaian yang telah ditetapkan. Fokus utama dokumen ini adalah terhadap pelaksanaan latihan dalaman PSMZA yang melibatkan peruntukan sehingga RM20,000.

Diharapkan penerbitan ini dapat menyumbang ke arah pemantapan pengurusan latihan di PSMZA, seterusnya menyokong aspirasi transformasi politeknik dalam melahirkan warga kerja yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing secara berterusan.

ISI KANDUNGAN

BAB 1		**PERANCANGAN LATIHAN**	1
BAB 2		**PELAKSANAAN SEBELUM LATIHAN**	
	2.1	KERTAS KERJA	2
	2.2	PERMOHONAN PESANAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN	10
	2.3	SURAT JEMPUTAN & PELANTIKAN PENCERAMAH	16
	2.4	SURAT/ MEMO PANGGILAN PESERTA	21
	2.5	SURAT TUNJUK SEBAB KETIDAKHADIRAN KURSUS	23
	2.6	PERSEDIAAN LATIHAN (NOTA, ALATAN)	23
BAB 3		**PELAKSANAAN SEMASA LATIHAN**	
	3.1	BORANG KEHADIRAN PESERTA	24
	3.2	BORANG PENILAIAN KEBERKESANAN KURSUS	25
	3.3	BORANG KAJISELIDIK KEBERKESANAN LATIHAN	26
BAB 4		**PELAKSANAAN SELEPAS LATIHAN**	
	4.1	BORANG ANALISIS KEBERKESANAN LATIHAN	27
	4.2	LAPORAN LATIHAN	28
	4.3	BORANG PERMOHONAN SIJIL LATIHAN	29
	4.4	BORANG KEMASKINI REKOD eSIS ANJURAN DALAMAN PSMZA	30
	RUJUKAN		31
	LAMPIRAN		32
		BORANG TUNTUTAN PENCERAMAH KERAJAAN	
		BORANG TUNTUTAN PENCERAMAH KERAJAAN SWASTA	
		CONTOH LAPORAN KURSUS	
		CONTOH DOKUMEN SOKONGAN SYARIKAT	

BAB 1 PERANCANGAN LATIHAN

Politeknik telah mengalami transformasi pendidikan dalam menyediakan tenaga pengajar berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional (TVET) melalui sistem latihan berkualiti bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Latihan dalam pembangunan organisasi dan sumber manusia yang diperkasakan akan dapat meningkatkan kemahiran dan tahap kompetensi tenaga pengajar politeknik. Tenaga pengajar yang kompeten dapat melahirkan graduan yang berkualiti selaras dengan permintaan industri sepertimana yang digariskan dalam Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025) teras pertama iaitu menghasilkan graduan TVET berkualiti. Sehubungan dengan itu, perancangan latihan yang sistematik perlu bagi mengenalpasti latihan yang bersesuaian, merangka peruntukan, prosedur dan keberkesanan latihan supaya objektif institusi dapat dicapai dengan jayanya. Kepentingan latihan dalam organisasi dan sumber manusia antaranya ialah:

1. Meningkatkan motivasi diri dan prestasi bekerja
2. Membina potensi diri dan fokus dalam menyumbang kejayaan organisasi
3. Membina keyakinan dan mengasah sifat kepimpinan
4. Mencungkil pemikiran kreatif dan menyelesaikan masalah
5. Mendedahkan peserta kepada pengetahuan dan perkembangan teknonlogi semasa

Perancangan latihan turut diselaraskan berdasarkan Pelan Transformasi Tindakan PSMZA 2017-2020, arahan keperluan hari berkursus dari Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan keperluan akreditasi program *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC) iaitu warga akademik perlu menghadiri 40 jam@ 7 hari berkursus dalam bidang.

Dalam merancang latihan jabatan, analisis keperluan latihan akan dilakukan semasa penyediaan draf latihan berpandukan daripada data latihan yang diisi oleh staf dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT), skor abiliti dari sistem *TVET Instructor eProfiling System* (TiPS) dan keperluan program jabatan. Unit Latihan & Pendidikan lanjutan (ULPL) akan menerima cadangan latihan daripada jabatan/ unit berdasarkan kepada keperluan organisasi. ULPL akan menyusun cadangan latihan tersebut sebelum diangkat untuk mendapat kelulusan daripada pengarah. Perancangan latihan yang telah diluluskan oleh pengarah akan diedarkan secara rasmi kepada semua Ketua Jabatan/ Unit. Perancangan latihan ini akan dijadikan sebagai panduan setiap jabatan dan pelaksanaannya dipantau oleh ULPL dari semasa ke semasa.

BAB 2 PELAKSANAAN SEBELUM KURSUS

Penyediaan kertas kerja seharusnya mengikut panduan dan format yang betul, bersistematik dan tampak profesional. Kertas kerja yang kemas bukan sahaja memudahkan pihak atasan mengetahui maklumat keseluruhan latihan tetapi menunjukkan kekredibilitian seseorang pemohon dalam membuat perancangan. Perkara-perkara yang perlu dilengkapkan dalam kertas kerja adalah seperti berikut:

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Muka depan kertas kerja	Lengkapkan muka depan kertas kerja dengan maklumat berikut iaitu: ***a) Header*** • Nama singkatan PSMZA dan tahun semasa latihan dilaksanakan **b) Logo** • Gunakan logo kementerian dan politeknik yang terkini **c) Tajuk Latihan** • Nama penuh latihan **d) Tarikh latihan** • Tarikh latihan dilaksanakan **e) Tempat latihan** • Lokasi latihan diadakan **f) Nama Penganjur** • Jabatan/unit/agensi yang melaksanakan latihan PSMZA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI POLITEKNIK MALAYSIA SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN **KERTAS KERJA** KURSUS PENGUCAPAN AWAM **TARIKH :** **TEMPAT :** BILIK SEMINAR ULPL, PSMZA **ANJURAN:** UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN (ULPL) POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN. Rajah 1: Muka depan kertas kerja

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Rasional & Objektif Program	Kenalpasti butiran berikut: **1.Rasional** • Pendahuluan atau penceritaan awal secara keseluruhan program latihan yang akan dilaksanakan **2. Objektif Program** • Objektif perlu dirancang bersama dengan ketua jabatan atau ketua program dalam mengenalpasti matlamat atau kompetensi yang ingin dicapai dalam latihan ini. PSMZA 2020 **1.RASIONAL:** Pengucapan awam merupakan satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh semua individu. Keberkesanan dalam pengucapan awam terletak kepada tiga perkara asas, iaitu diri pengucap, bahan yang ingin diucapkan dan teknik pengucapan. Idea atau buah fikiran yang paling hebat sekalipun tidak mungkin akan diterima dan berkesan kepada para pendengar sekiranya idea dan buah fikiran itu tidak disampaikan dengan berkesan. Oleh itu, bagi memastikan para pendengar tertarik untuk mengikuti sesebuah pengucapan, memahami seterusnya mampu mengamalkan perkara-perkara yang disampaikan, amat penting seseorang pengucap mempelajari teknik pengucapan awam yang berkesan. Kursus ini diadakan untuk memindahkan teknik-teknik dan kemahiran pengucapan awam serta ketrampilan bertutur yang berkesan agar para peserta terus dapat memperhebatkan teknik pengucapan awam dan ketrampilan bertutur mereka selepas tamat kursus ini. **2. OBJEKTIF PROGRAM:** • Meningkatkan ketrampilan bertutur secara professional dan berkesan • Membolehkan seseorang menguasai pengucapan awam dengan yakin bagi mencapai matlamat dan tujuan • Mendedahkan teknik seni bicara, teknik ketrampilan penampilan dan postur tubuh, teknik vokal yang terbaik dan berimpak tinggi. Rajah 2: Rasional & objektif program

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Maklumat Latihan	Kenalpasti dan lengkapkan maklumat latihan seperti berikut: **3. Tarikh permohonan**- • Tarikh kertas kerja dimohon oleh pemohon **4. Jumlah peserta** • Bilangan peserta yang menghadiri latihan **5. Kumpulan sasaran** • Target kumpulan peserta contohnya pensyarah jabatan, pegawai pengurusan, kumpulan sokongan dan lain-lain. **6. Tempat** • Lokasi latihan dilaksanakan dan pastikan tempat latihan yang dipilih bersesuaian dengan pengisian dan aktiviti latihan **7. Tarikh dan hari** • Tarikh dan nama hari latihan dilaksanakan **8. Tentatif program** • Senarai pengisian atau aktiviti latihan yang dirancang **9. Sumber kewangan** • Sumber kewangan samada dari kerajaan, sendiri atau tiada mengunakan peruntukan. Potong mana yang tidak berkenaan. PSMZA 2020 **3. TARIKH PERMOHONAN:** **4. JUMLAH PESERTA:** 31 Orang Peserta **5. KUMPULAN SASARAN:** • Ahli Mesyuarat Pengurusan **6. TEMPAT:** The Qamar, Paka **7. TARIKH DAN HARI:** **8. TENTATIF PROGRAM:** Rujuk Lampiran 1 **9. SUMBER KEWANGAN :** * Kerajaan/~~Sendiri/Tiada~~ Rajah 3: Maklumat kursus

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Jumlah Perbelanjaan	Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, terdapat penjenisan kos hasil dan perbelanjaan kepada semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan bagi memastikan hasil dan perbelanjaan yang diakaunkan adalah betul dan seragam. Antara Pecahan Kod Perbelanjaan yang selalu digunakan semasa menyediakan peruntukan latihan ialah seperti berikut:

Objek Sebagai (OS)	Perincian
OS 24000	Sewaan
OS 29000	Perkhidmatan Iktisas & Perkhidmatan yang Dibeli dan Hospitaliti

Jadual 1: Objek Sebagai(OS) dan perincian

10. Jumlah Perbelanjaan

- Kenalpasti anggaran perbelanjaan yang terlibat dalam latihan.
- Tulis perbelanjaan secara terperinci supaya menjadi rujukan pihak kewangan dalam mendapat pengesahan daripada Penolong Akauntan.
- Lengkapkan maklumat berikut:
  - Jenis Objek Sebagai (OS)
  - Perincian- maklumat terperinci setiap OS
  - Jumlah- Jumlah kos setiap OS

PSMZA 2020

10. JUMLAH PERBELANJAAN

ANGGARAN PERBELANJAAN KURSUS				Untuk Diisi Oleh ULPL (Peruntukan yang telah dibelanjakan)
Objek Sebagai(OS)		Perincian	Jumlah (RM)	
JUMLAH			RM0000.00	

** Pakej majlis/acara rasmi kerajaan & latihan perlu melalui bahagian kewangan Kementerian Pendidikan

Disahkan bahawa baki peruntukan di bawah pecahan kepala .....
adalah mencukupi bagi menampung kos aktiviti ini.

.....

(Tandatangan Penolong Akauntan & cap rasmi)

Tarikh :

**Tandatangan ini tidak diperlukan , sekiranya tidak melibatkan sumber kewangan.

Rajah 4: Anggaran perbelanjaan kursus

Perkara	Butiran kerja dan rajah

Untuk lebih jelas, berikut adalah contoh perincian:

ANGGARAN PERBELANJAAN KURSUS			
Objek Sebagai (OS)		**Perincian**	**Jumlah (RM)**
24000	Sewaan	**Sewaan Bilik Seminar/ Dewan**	
29000	Perkhidmatan Iktisas & Perkhidmatan lain yang dibeli	• **Contoh Penceramah Penjawat Awam Gred 45-52:** **Bayaran Penceramah** (6 jam x 2 hari x RM150) = RM1800 jumlah jam kursus sehari rujuk Jadual 3 **Tuntutan Perjalanan** 500km x 0.85sen= RM 425 438km x 0.75sen=RM 328.5 Jumlah= RM 753.50 **Penginapan/ Loging** RM 220 x 1 malam= RM220 **Elaun Makan** RM 60 x 1 =RM 60 *kadar penginapan dan elaun makan sila rujuk pekeliling	
		• **Contoh Penceramah Swasta/Pesara Kerajaan:** **Bayaran Penceramah Kelulusan Ijazah Sarjana Muda** (6 jam Rm200) jumlah jam kursus sehari rujuk Jadual 4	
		Perkhidmatan Pengendalian Latihan	
		Perkhidmatan Pembekal Makan Minum	
		Perkhidmatan Percetakan Nota, Sijil & Sebagainya	
		Perkhidmatan Dobi untuk Bauk Inn	

Jadual 2: Contoh perincian

Sila rujuk Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil. 2/2005 untuk keterangan lebih lanjut. Perincian ini akan berubah mengikut kawalan dalaman dan perbelanjaan berhemat PSMZA. Untuk kursus yang dilaksanakan secara berpakej, permohonan perlu diangkat sebulan sebelum tarikh Latihan melalui Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) JPPKK.

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Impak Program **Penutup** **Tandatangan**	**11. Impak Program** • Nyatakan hasil/ kesan yang ingin dicapai setelah tamat latihan **12. Penutup** • Nyatakan harapan pemohon • Tandatangan pemohon dan Ketua Jabatan/ Ketua Unit

PSMZA

**** Pakej majlis/acara rasmi kerajaan & latihan perlu melalui bahagian kewangan Kementerian Pendidikan**

Disahkan bahawa baki peruntukan di bawah pecahan kepala .....
adalah mencukupi bagi menampung kos aktiviti ini.

.....

(Tandatangan Penolong Akauntan & cap rasmi)

Tarikh :

****Tandatangan ini tidak diperlukan , sekiranya tidak melibatkan sumber kewangan.**

11. IMPAK PROGRAM :

- Peserta akan dapat memahami kaedah penentuan dan penyusunan kalendar islam.
- Peserta akan menyedari kekuasaan Allah SWT dan ini dapat meningkatkan keimanan seseorang.

12. PENUTUP :

Islam telah menetapkan kaedah yang jelas dalam penentuan penyusunan kalender islam dan ruhyah. Diharapkan melalui pelaksanaan kursus ini, peserta yang terlibat memperolehi ilmu dan manafaat kepentingan ilmu falak dalam kehidupan manusia.

Disediakan Oleh:	**Disokong Oleh :** **(Ketua Jabatan/Unit)**
Tandatangan dan cap rasmi	Tandatangan dan cap rasmi
Tarikh :	Tarikh :

Rajah 5: Impak program, penutup & ruangan tandatangan

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Semakan Oleh Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan dan Kelulusan Pengarah	**13. Disemak oleh Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan** • Pastikan kertas kerja ini disemak terlebih dahulu dan ditandatangni oleh Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (KULPL) **14. Kelulusan Pengarah** • Hantar untuk kelulusan pengarah PSMZA 2020 **13. Disemak Oleh Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan** Disahkan bahawa aktiviti/ program yang akan dilaksanakan ini adalah berdasarkan kepada *Takwim Tahunan Jabatan/ Unit/ Kelab/ Persatuan/ Arahan daripada pihak pengurusan @ JPP. Tandatangan dan cap rasmi Tarikh : **14. KELULUSAN PENGARAH** Permohonan ini telah disemak dan didapati * teratur/ tidak teratur serta peruntukan adalah *mencukupi/ tidak mencukupi bagi menampung kos aktiviti/ program tersebut. *Diluluskan / Tidak diluluskan Tandatangan Pengarah dan cap rasmi Tarikh : ***Potong yang mana tidak berkenaan*** Rajah 6: Pengesahan dari KULPL dan kelulusan Pengarah

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Tentatif	**a) Tentatif** • Sediakan tentatif latihan yang bersesuaian dengan objektif dan keperluan latihan. Tentatif boleh dibincangkan bersama-sama penceramah latihan supaya pengisian latihan menjadi lebih menarik dan jam latihan dapat dioptimumkan. Tentatif ini juga akan memberi gambaran awal kepada peserta aktiviti yang berlaku sepanjang latihan. • Pastikan jumlah jam latihan sekurang-kurangnya 6 jam berkursus dalam sehari. • Perkara yang perlu ada dalam tentatif ialah: **i.Tajuk** • Tajuk latihan yang dilaksanakan **ii.Tarikh** • Tarikh latihan yang dilaksanakan **iii.Masa** • Perincian setiap jam dan sesi **iv.Aktiviti** • Perincian aktiviti latihan

TENTATIF KURSUS PENGUCAPAN AWAM

20 JULAI 2020 (ISNIN)

MASA	AKTIVITI
7.30 am- 8.30 am	Sarapan Pagi di Restoran Kayu Manis, Rumbia Resort Villa
08.30 am – 9.15 am	• Taklimat program dan perasmian • Pengenalan – Pengaruh Pengucapan Awam dari perspektif Karisma Diri
09.15 am – 10.30 am	**MODUL 1 - PENGUCAPAN AWAM YANG BERKESAN** • Pengucapan awam yang berimpak tinggi. • Elemen-elemen ke arah pengucapan awam yang berimpak tinggi. • Kategori pengucapan awam. • Simulasi Pengucapan Awam (Sesi 1 – 5 peserta)
10.30 am – 10.45 am	Minum Pagi
10.45 am – 1.00 pm	**MODUL 2 – PERSEDIAAN & SESI PRA-PENGUCAPAN** • Analisa-analisa asas sebelum sesi pengucapan awam • Pengetahuan dan informasi. • Penyediaan "RSP" dan bahan rujukan / dokumen sokongan. • Simulasi Pengucapan Awam (Sesi 2 – 5 peserta)
1.00 pm- 2.30pm	Makan Tengahari, Solat & Rehat
2.30 pm– 4.15 pm	**MODUL 3 – MEMPENGARUHI EMOSI & PEMIKIRAN KHALAYAK** • Kaedah mengawal emosi. • Membina keyakinan diri yang tinggi untuk berucap. • All in your head ; Kaedah efektif menangani gemuruh. • Simulasi Pengucapan Awam (Sesi 3 – 5 peserta) • "WOW Factors" Dalam Pengucapan Awam
4.15 pm - 4.30 pm	• Sesi rumusan dan penutup
4.30 pm - 5.00 pm	• Minum Petang • Kursus Tamat

Rajah 7: Tentatif kursus

2.2 PERMOHONAN UNTUK PESANAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN

Setelah kertas kerja dan peruntukan yang dimohon telah diluluskan. Perbelanjaan mestilah mengikut prosedur kewangan kerajaan yang termaktub dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia. Kaedah perolehan yang digunakan bagi peruntukan latihan tidak melebihi nilai RM20,000 setahun ialah kaedah Pembelian Terus. Bagi setiap item atau kontrak dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, kajian pasaran atau perbandingan harga perlu ada sekurang-kurangnya dari tiga pembekal tempatan.

Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) yang baharu oleh Kementerian/Jabatan dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2018 bagi menggantikan sistem manual. Semua urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan Kerajaan Persekutuan hendaklah dilaksanakan melalui Sistem eP secara atas talian sepenuhnya. Pemohon dilarang memecahkecilkan perolehan tahunan dan melaksanakan perolehan bagi item yang sama berulang kali dalam tahun semasa bagi mengelakkan perolehan secara sebut harga dan tender. Oleh itu pemohon perlu merancang perolehan tahunan dan memastikan pembelian terus tidak dipecahkecilkan.

Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan. Namun begitu sebelum pelawaaan dibuat dalam sistem eP, pemohon perlu melengkapkan borang Permohonan Untuk Memesan Bekalan/ Perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Kewangan PSMZA terlebih dahulu. Borang ini penting untuk permohonan kelulusan terakhir Pengarah bagi meneruskan proses bekalan dan perkhidmatan. Borang ini merupakan borang kawalan dalaman PSMZA dan berubah mengikut keperluan semasa dan institusi.

Senarai dokumen yang perlu disediakan pemohon dan perlu dihantar ke unit kewangan untuk proses perolehan dalam Sistem eP adalah seperti berikut:

a) Borang Permohonan Untuk Memesan Bekalan/ Perkhidmatan
b) Perakuan Penilaian Jawatankuasa Sebutharga/ Perbandingan Harga Bagi Perolehan bekalan/ Perkhidmatan/Kerja-kerja Kecil/ Selenggaraan Kenderaan/ Peralatan ICT/ Lain-lain Berkaitan
c) Tiga sebutharga dari syarikat
d) Dokumen sokongan syarikat (rujuk Lampiran 4)
    - **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM) (**pastikan kod bidang syarikat aktif)
    - **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia**
    - **Penyata akaun bank syarikat** (mesti mempunyai logo bank dan nombor akaun yang jelas)
e) Salinan kertas kerja yang telah diluluskan oleh pengarah.

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Pembelian Terus (pembelian tidak melebihi nilai RM20,000)	**a) Borang Permohonan Pesanan Bekalan/ Perkhidmatan** • Isi borang Permohonan Pesanan Bekalan/Perkhidmatan dengan maklumat seperti berikut: **i. Perkara/spesifikasi** • Pastikan setiap tajuk perkara/spesifikasi perlu dimulai dengan perkataan "Perkhidmatan" dan mengandungi **nama latihan** dan **tarikh** contohnya: **PERKHIDMATAN PENGENDALIAN LATIHAN BAGI KURSUS PENGUCAPAN AWAM PADA** **ii. Banyaknya** • Nyatakan bilangan latihan contohnya lumpsum **iii. Harga seunit** • Nyatakan harga 1 unit **iv. Jumlah bersih** • Nyatakan nilai jumlah latihan **v. Jumlah Keseluruhan** • Jumlah besar yang ditambah semua jumlah bersih **vi. Nama & Alamat pembekal** • Nama & alamat syarikat pengendali latihan **vii. Tandatangan pemohon & Ketua Jabatan/Unit** • Tandatangan pemohon & Ketua Jabatan/ Unit

Perkara	Butiran kerja dan rajah
	viii. Ulasan Pegawai Berkaitan • Hanya terlibat untuk bekalan sahaja, perkhidmatan tidak terlibat **ix. Ulasan Ketua Unit Kewangan** • Ulasan peruntukan dari Ketua Unit Kewangan **x. Kelulusan Pengarah** • Tandatangan kelulusan Pengarah

PERMOHONAN UNTUK MEMESAN BEKALAN/PERKHIDMATAN Siri

(Sila isi SATU salinan sahaja dan setiap permohonan mesti kemas dan bertaip)

Nota:
1. Setiap permohonan yang lengkap mestilah disertakan Sebutharga Asal, Pendaftaran Syarikat(SSM) dan Penyata Bank Terkini.
2 Permohonan melebihi RM200.00, sila sertakan tiga sebutharga untuk perbandingan dan disertakan borang kelulusan lengkap JK Sebutharga
3. Bagi Permohonan melibatkan Kerja-Kerja Kecil melebihi RM 10,000.00, sila sertakan Sijil Kewangan (KKM),Lesen PKK dan CIDB

BIL	PERKARA/SPESIFIKASI	BANYAKNYA	HARGA SEUNIT	BERSIH
1.				
	JUMLAH KESELURUHAN			

Sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi

NO .KONTRAK PUSAT/SEBUTHARGA	
NAMA & ALAMAT PEMBEKAL : TEL	

PEGAWAI YANG MEMOHON		SOKONGAN KETUA JABATAN
T.Tangan: Nama: Tarikh:		(T/Tangan,Cop & Tarikh)

ULASAN PEGAWAI BERKAITAN	
☐ Stok bekalan yang dipohon tidak mencukupi ☐ Bekalan tiada dalam stok ☐ Tiada berkaitan *Pegawai berkaitan: Pegawai Stor - OS26000 & OS27000 Pegawai UPP – OS28000 Pegawai HEP - OS42000	(T/Tangan pegawai stor, Cop & Tarikh)

ULASAN KETUA UNIT KEWANGAN	
Peruntukan kewangan bagi tujuan pembelian/ bekalan Perkhidmatan di atas di bawah objek sebagai……. Baki peruntukan berjumlah RM …….. (telah dimasuk kira semua Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan) Nota:	(T/Tangan Ketua Unit Kewangan , Cop & Tarikh)

KELULUSAN PENGARAH PSMZA	
Permohonan di atas : ☐ Diluluskan ☐ Tidak diluluskan Jumlah RM:……	(T/Tangan Pengarah, Cop & Tarikh)

TINDAKAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)		
NO PESANAN KERAJAAN		T/Tangan PT(kew), Cop & Tarikh
TARIKH DIKELUARKAN		
TARIKH HANTAR		

Rajah 8: Borang Permohonan Untutk Memesan Bekalan/ Perkhidmatan

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Sebutharga dan borang perbandingan harga	**b) Sebutharga** • Sediakan 3 sebutharga dari 3 pengendali latihan yang berlainan untuk perbandingan untuk dihantar bersama-sama borang Permohonan Pesanan Bekalan/Perkhidmatan. • Pastikan dalam pemilihan pengendali latihan, pengendali mempunyai perkara seperti berikut: i. Pengendali mempunyai akaun dalam sistem ePerolehan ii. Pengendali telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia dan dalam tempoh sah laku. iii. Kod Bidang pembekal untuk latihan masih aktif. iv. Pengendali mempunyai akaun bank aktif **Innotech Excel Consulting** No. 103, Jalan Seri Sementa 9, Taman Seri Sementa, Batu 7 Jalan Kapar, 42100 Klang, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-3291 2755, 013-3333 858, 019-9000 382, 019-9000 804 Faks : 03-3291 3755 E-mail : iexcel.consult@gmail.com i·excel Tarikh : 29 Jun 2020 No.Rujukan : PROPOSAL-2020-011 **Perkara : Sebutharga Kursus "PENGUCAPAN AWAM YANG EFEKTIF & INTERAKTIF"** INNOTECH EXCEL CONSULTING ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian pihak tuan/puan untuk mendapatkan kertas cadangan kursus yang akan pihak tuan/puan anjurkan ini. Kertas cadangan kursus ini disediakan oleh pihak kami untuk perhatian dan semakan : **Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan** **POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN** **KM 8, Jalan Paka,** **23000 Dungun,** **Terengganu Darul Iman** Jangkamasa : [illegible] Masa : [illegible] Tarikh : [illegible] Tempat : [illegible] Jumlah Peserta : 51 orang peserta Yuran Kursus : **RM 1,400.00** (Ringgit Malaysia **SATU RIBU EMPAT RATUS** Sahaja) Yuran diatas adalah **TERMASUK** bayaran-bayaran berikut :- • Bayaran profesional penceramah. • Kos pengangkutan & penginapan penceramah. • Alat bantuan latihan untuk tujuan LDK/Brainstorming/Communication Games. Kami amat berbesar hati untuk bersama-sama dalam menjayakan program yang telah pihak tuan/puan rancangkan ini. Jika pihak tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi perunding utama kami ditalian 03-3291 2755, 013-3333 858 (Encik Zukernain Wook) atau e-mail butiran lanjut ke **innotech.zul@gmail.com**. Untuk tujuan pengesahan, sila hantarkan surat pengesahan melalui email selewat-lewatnya 2 minggu dari tarikh program. Sekian terima kasih. Siti Zaidah Idris ---------- *Siti Zaidah Idris* *Pengarah Eksekutif* *Innotech Excel Consulting* Rajah 9: Sebutharga pengendali latihan pertama

Perkara	Butiran kerja dan rajah

SEBUT HARGA

SUNNAH TRAINING & CONSULTANT

(TR0101010-D)

Lot PT 50651, Tingkat 1, Taman Desa Indah,
21202 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel: 011-9853265 , 019-56324123
info@sunnahtraining.com
www.sunnahtraining.com

BIL	PERKARA / BUTIR	JUMLAH (RM)
1.	Menyediakan Konsultasi bagi **Kursus Pengucapan Awam** yang merangkumi: i. Penceramah ii. Alat Bantu Modul	1,800.00
	Di bayar kepada: Nama : SUNNAH TRAINING AND CONSULTANT Bank : BANK ISLAM No. Akaun : 850850265	
	JUMLAH KESELURUHAN	**1,800.00**

Rajah 10: Sebutharga pengendali latihan kedua

SEBUTHARGA

PAHLAWAN TRAINING ACADEMY
LOT 1020 Tingkat Dua, Bangunan Kedai
Jalan Kubang Pasu, Chendering,
21000 Kuala Terengganu

No. Invois :
Tarikh :

KEPADA :

UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Produk / Servis	Harga (RM)	Kuantiti / Durasi	Sub Jumlah (RM)
PROGRAM PENGUCAPAN AWAM PROFESSIONAL Tarikh 20 JULAI 2020 (ISNIN) Tempat : **Dungun, Terengganu** Durasi : **6 JAM** Jumlah Peserta : **31 Orang**	2000.00	1	2000.00
	JUMLAH	1	2000.00
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)		2000.00

1. Setiap tempahan program / seminar bayaran deposit hendaklah sebanyak 50% sebelum program / seminar bermula. Bayaran deposit tidak boleh dikembalikan sekiranya pihak Klien membatalkan program. KECUALI berlaku perubahan tarikh dan masa program untuk masa akandatang.

2. Bahan modul dan pengisian program Teambuilding akan disediakan oleh pihak Konsultan. Sekiranya pihak Klien ingin menambah aktiviti luar yang lain, dan jika ia mengenakan bayaran. Kos bayaran tersebut akan ditanggung oleh pihak Klien.

Bayaran Deposit 50% Boleh Dibuat Melalui Akaun :

CIMB Bank
(8232800001)
PAHLAWAN TRAINING ACADEMY

- Invois ini dijana dengan menggunakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan.

Rajah 11: Sebutharga pengendali latihan ketiga

Perkara	Butiran kerja dan rajah

c) Perakuan Penilaian Jawatankuasa Sebutharga/ Perbandingan Harga Bagi Perolehan bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja-kerja Kecil/ Selenggaraan Kenderaan/ Peralatan ICT/ Lain-lain Berkaitan

- Isi borang Permohonan Pesanan Bekalan/Perkhidmatan dengan maklumat seperti berikut:

i. Butiran
- Gunakan ayat yang sama pada perkara/speksifikasi dalam borang Permohonan Untuk Memesan Bekalan/ Perkhidmatan

ii. Tarikh Permohonan
- Tarikh semasa perbandingan harga dimohon

iii. Kuantiti
- Kuantiti perkhidmatan yang diberikan

iv. Nama Syarikat dan Jumlah dan
- Rujuk pada tiga sebutharga yang diperolehi. Nyatakan tiga syarikat dan jumlah yang ditawarkan oleh pengendali latihan

v. Catatan
- Nyatakan nama pengendali latihan yang dipilih

vi. Rumusan
- Nyatakan justifikasi syarikat yang dipilih pada ruang catatan dan rumusan. Ini bagi memastikan perkhidmatan yang dibeli mendapat nilai yang terbaik, kualiti terbaik dan harga yang munasabah.

vii. Tandatangan pemohon dan Ketua Jabatan/Unit
- Senaraikan 3 syarikat dalam borang borang perbandingan harga

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

PERAKUAN PENILAIAN JAWATANKUASA SEBUTHARGA / PERBANDINGAN HARGA BAGI PEROLEHAN BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA-KERJA KECIL/ SELENGGARAAN KENDERAAN/ PERALATAN ICT/ LAIN-LAIN BERKAITAN

BUTIRAN: **PERKHIDMATAN PENGENDALIAN LATIHAN BAGI KURSUS PENGUCAPAN AWAM PADA** **TARIKH PERMOHONAN:**

KUANTITI: **1 BUAH**

Bil	NAMA SYARIKAT	JUMLAH (RM)	CATATAN
1	**NAMA PENGENDALI PERTAMA**		Telah dipilih kerana menawarkan bekalan pada harga terendah
2	**NAMA PENGENDALI KEDUA**		
3	**NAMA PENGENDALI KETIGA**		

Rumusan:
...HARGA LEBIH BERPATUTAN.....
.....

Disediakan oleh:
.....
Nama:
Jawatan:
Tarikh:

Disokong oleh:
.....
Nama:
Jawatan:
Tarikh:

PERAKUAN PENGESAHAN JK SEBUTHARGA (PENGARAH/TPA/TPSA/KJ JKA/KJ JKE/ KJ JKM/ KJ JTMK)

Disahkan oleh:
.....
Nama:
Jawatan:
Tarikh:

Disahkan Oleh:
.....
Nama:
Jawatan:
Tarikh:

Diluluskan Oleh:
.....
Nama:
Jawatan:
Tarikh:

Rajah 12: Borang Perbandingan Harga bagi perolehan perkhidmatan

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Permohonan Untuk memesan makanan/ Minuman Dari Kantin/ Kafeteria Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun Terengganu	**a) Borang permohonan untuk pesanan makan minum dari kantin / kafetaria PSMZA** • Penggunaan borang ini hanya untuk latihan yang menggunakan perkhidmatan penyedia makan dari kafetaria PSMZA sahaja. • Tidak memerlukan tiga perbandingan harga dari pembekal • Lengkapkan maklumat dalam borang ini seperti berikut: **i. Butiran, Kuantiti, Harga Seunit, Harga Bersih** • Maklumat perkhidmatan secara contohnya makan pagi dan harga makanan **ii. Tujuan pembekalan** • Nama perkhidmatan contohnya Perkhidmatan Makan Minum **iii. Tarikh** • Tarikh latihan dilaksanakan **iv. Nama Pembekal** • Nama syarikat yang membekalkan perkhidmatan **v. Tandatangan** • Tandatangan pemohon dan Ketua Jabatan/Unit • Dokumen sokongan pembekal (rujuk lampiran 4) yang perlu disertakan bersama-sama dengan borang ini ialah: i. Sebutharga pembekal ii. Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM) iii. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia iv. Penyata akaun bank syarikat (mesti mempunyai logo bank dan ni akaun yang jelas  AP_Kew20032013_MM **PERMOHONAN UNTUK MEMESAN MAKANAN / MINUMAN DARI KANTIN / KAFETARIA POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, DUNGUN TERENGGANU.** *(Sila isi SATU salinan sahaja dan setiap permohonan mesti kemas dan bertaip)* Pengarah Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu. Adalah saya dengan ini memohon kelulusan tuan untuk memesan bekalan makanan/minuman dari Kantin / Kafetaria Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Dungun seperti berikut :- BIL | BUTIRAN | KUANTITI | HARGA SEUNIT (RM) | HARGA BERSIH (RM) 1. Minum Pagi 2. Makan T/Hari 3. Minum Petang 4. Lain-Lain **Jumlah** (Sediakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi dan sila lihat sebelah) 2. Tujuan pembekalan :..... ..... 3. Tarikh..... Masa .....Tempat..... 4. Nama Pembekal..... (sila sertakan permohonan ini semasa membuat tuntutan) **Pegawai Yang Memohon** (Sila dapatkan sebutharga dari pembekal) **Ulasan Ketua Jabatan** Nama ..... Permohonan ini disokong / tidak disokong Tandatangan..... Tandatangan..... Tarikh..... Tarikh..... **Pengesahan daripada Unit Kewangan** **Pengesahan Pengarah** Baki peruntukan sehingga..... Permohonan ini diluluskan / tidak diluluskan RM..... Tandatangan..... ..... (Penolong Akauntan / Wakil) (Tandatangan Pengarah) Rajah 13: Borang permohonan memesan makanan dari kafeteria PSMZA

2.3 SURAT JEMPUTAN & PELANTIKAN PENCERAMAH

Semua surat jemputan dan pelantikan ini perlu dicetak di atas kertas yang mempunyai *Letterhead* PSMZA. Penceramah yang dilantik terbahagi kepada tiga kategori iaitu:

a) Penceramah Dalaman
b) Penceramah Luaran terdiri dari penjawat awam
c) Penceramah Swasta / Pesara Kerajaan

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Surat Pelantikan Penceramah Dalaman	**a) Penceramah Dalaman** • Penceramah dalaman bermaksud penceramah yang dilantik adalah dari staf politeknik yang sama. Tiada tuntutan penceramah kerana kursus dijalankan di dalam kawasan politeknik dan pada waktu berkerja.

Ruj. Tuan :
Tarikh :

SUFIAN BIN SALIM@ANAM
PEGAWAI MULTIMEDIA DAN SUMBER DH42
UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PENCERAMAH KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN LATIHAN TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL), PSMZA akan menganjurkan kursus dan telah melantik tuan sebagai penceramah **Kursus Pemantapan Pengurusan Latihan Tahun 2020** seperti ketetapan berikut:

Tarikh :
Masa :
Tempat :

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami berharap agar pihak puan dapat menjalankan tugas dengan penuh komitmen.

4. Pihak kami mengucapkan tahniah di atas pelantikan puan. Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" EKOSISTEM KONDUSIF KERJA PRODUKTIF"
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,

(Sr HAJI MOHD FIKRI BIN ISMAIL)
Pengarah
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
Kementerian Pengajian Tinggi

Rajah 14: Surat pelantikan penceramah dalaman

Perkara	Butiran kerja dan rajah
Surat Jemputan & Pelantikan Penceramah Luaran Terdiri Dari Penjawat Awam	**b) Penceramah luaran terdiri dari penjawat awam** • Penceramah luaran bermaksud penceramah yang merupakan penjawat awam namun bukan dari institusi yang sama. Biasanya didahului dengan surat jemputan kerana penceramah tersebut perlu mendapat kebenaran daripada ketua atasannya. Ruj. Tuan : Tarikh : **Prof** Daud bin Salim **Rektor** **Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu** **Kampus Sura Hujung** **23000 Dungun** **TERENGGANU** Tuan, **JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH *ENGLISH SPEAKING WORKSHOP* KUMP. 1** Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. 2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL), PSMZA akan menganjurkan kursus seperti yang tersebut di atas sebagaimana butiran berikut :- **Tarikh** : **Masa** : **Tempat** : 3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin menjemput kakitangan dari universiti tuan iaitu **Puan** **(Pensyarah Bahasa Inggeris DM45)** dari Akademi Pengajian Bahasa sebagai penceramah untuk kursus tersebut. Sebarang maklumbalas berkenaan jemputan ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami Pn. Duliana Binti Daud di talian 019 9818082. 4. Semoga mendapat kerjasama daripada pihak tuan. Jasa baik dan pertimbangan pihak tuan adalah sangat diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian. **" EKOSISTEM KONDUSIF KERJA PRODUKTIF"** **" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "** Saya yang menjalankan amanah, **(Sr HAJI MOHD FIKRI BIN ISMAIL)** Pengarah Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Kementerian Pengajian Tinggi Rajah 15: Surat jemputan penceramah dari penjawat awam • Setelah pegawai tersebut telah mendapat kebenaran dari ketua atasan beliau, barulah surat pelantikan boleh dikeluarkan.

Perkara	Butiran kerja dan rajah

- Pastikan maklumat berikut dalam surat pelantikan:
  i. **Kadar Bayaran** -Kadar dan Bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan seperti jadual berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/ Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 - 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 - 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

Jadual 3: Kadar bayaran penceramah bagi penjawat awam

*Sumber Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil. 2/2005

  ii. Dokumen sokongan yang diperlukan bagi tujuan tuntutan seperti berikut:
    - Borang Tuntutan Penceramah (rujuk Lampiran 1)
    - Salinan Kelayakan Akademik
    - Salinan Kad Pengenalan
    - Salinan halaman Buku Bank yang mengandungi Nama & No Akuan Bank.
  iii. Maklumat tuntutan lain yang layak dituntut oleh penceramah seperti tuntutan perjalanan, elaun makan/harian dan penginapan (sekiranya berkaitan).
  iv. Tarikh terakhir tuntutan perlu dihantar oleh penceramah ke Unit Kewangan PSMZA

- Tuntutan perjalanan, elaun makan/harian dan penginapan dalam negeri dan luar negeri, sila rujuk **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil. 2/2005** seperti berikut:

  i. Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi)
  ii. Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah dan Fasilitator Sambilan

Perkara	Butiran kerja dan rajah
	• Berikut contoh surat pelantikan peceramah luaran terdiri dari penjawat awam.

Ruj. Kami : PSMZA/12/01/3-02 Jld 7 ( )
Tarikh : 11 Jun 2020

Ali bin Abu

Pensyarah Bahasa Inggeris
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Melalui dan Salinan :

Rektor
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Kampus Sura Hujung
23000 Dungun
TERENGGANU

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI PENCERAMAH *ENGLISH SPEAKING WORKSHOP* KUMPULAN 1

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa puan telah dilantik sebagai **Penceramah *English Speaking Workshop* Kumpulan 1** sepertimana butiran berikut:

Tarikh : 17-18 Jun 2020 (Isnin & Selasa)
Lokasi : Bilik Seminar [illegible]
Kadar Bayaran : RM150.00 / jam (untuk 12 jam kursus)

3. Bagi tujuan tuntutan, puan dimohon mengemukakan **Salinan Kelayakan Akademik Tertinggi, Salinan Kad Pengenalan dan juga Salinan Halaman Buku Bank yang mengandungi Nama & No. Akaun Bank**. Segala tuntutan bayaran hendaklah mengikut pekeliling perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa dan tuntutan hendaklah dihantar ke Unit Kewangan PSMZA sebelum 5 Julai 2020. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pn. Duliana Binti Daud di talian 09-8400834.

4. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" EKOSISTEM KONDUSIF KERJA PRODUKTIF"
